



PEMBENTUKAN MALAYSIA

Yang di-Pertuan Agong menyampaikan Titah Ucapan Diraja di Stadium Merdeka dan disaksikan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.
Sumber: Arkib Negara Malaysia.



Sinopsis

Pembentukan Malaysia melibatkan penggabungan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura dalam satu sistem kerajaan Persekutuan. Unit ini membincangkan idea dan sebab-sebab pembentukan Malaysia oleh pemimpin tempatan dan British. Selain itu, turut dibincangkan ialah langkah-langkah, tokoh-tokoh dan negeri-negeri yang terlibat serta cabaran dalam pembentukan Malaysia.



Lord Cameron Cobbold (kiri) bersama-sama dua ahli suruhanjaya British.



Sekembali Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dari London selepas perundingan tentang Malaysia.



Apakah yang akan anda pelajari?

- 1 Idea pembentukan dan sebab-musabab pembentukan Malaysia.
- 2 Langkah-langkah ke arah pembentukan Malaysia.
- 3 Tokoh-tokoh dan negeri-negeri yang terlibat dalam pembentukan Malaysia.
- 4 Cabaran ke arah pembentukan Malaysia.



AKPS

Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

- 1 Mengkaji sebab-musabab pembentukan Malaysia.
- 2 Meneroka kesahan bukti tokoh yang terlibat dalam pembentukan Malaysia.
- 3 Membuat imaginasi cabaran yang dihadapi dalam pembentukan Malaysia.



Nilai Teras Sivik

- Hormat-menghormati
- Kasih sayang



Suruhanjaya Bangsa-Bangsa Bersatu (Kumpulan Sabah).



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj melaungkan "merdeka" sebanyak tujuh kali pada Pemasyhuran Malaysia.

Sumber: Ghazali Shafie, 2015. *Memoir Ghazali Shafie: Penubuhan Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Idea dan Sebab-sebab Pembentukan Malaysia

Idea awal pembentukan Malaysia dicadangkan oleh pemimpin tempatan dan pihak British. Idea ini melibatkan gabungan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei.

Idea Pembentukan Malaysia



1 Tahukah kamu bahawa idea pembentukan Malaysia melibatkan pemimpin tempatan dan pihak British? Berdasarkan pelbagai sumber, cikgu mahu setiap murid menyatakan idea awal pembentukan Malaysia.

6 Saya bangga dengan kamu semua kerana memberikan jawapan yang tepat. Sewajarnya kita menghargai kebijaksanaan para pemimpin dalam memberikan idea pembentukan Malaysia.

5 Cikgu, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu pernah memberikan idea penggabungan ini pada tahun 1955. Beliau mencadangkan Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei menyertai Persekutuan Tanah Melayu.



- 2 Cikgu, cadangan awal oleh Lord Brassey, Pengarah British North Borneo Company (Syarikat Borneo Utara British) pada tahun 1887. Beliau mencadangkan penggabungan Sarawak, Sabah, Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat.



- 3 Tokoh-tokoh tempatan seperti Ibrahim Haji Yaakob dan Harun Aminurrashid juga memperjuangkan idea penggabungan melalui konsep Melayu Raya pada tahun 1938.



TAHUKAH ANDA?

Melayu Raya

- Konsep penggabungan merangkumi Tanah Melayu, Singapura, seluruh Kalimantan, Kepulauan Filipina dan Kepulauan Indonesia.

- 4 Cikgu, terdapat juga idea daripada Malcolm MacDonald, Gabenor Jeneral British di Asia Tenggara pada tahun 1951. Beliau mengadakan beberapa perbincangan dengan pemimpin Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura berkaitan dengan penggabungan ini.



10.2.1

NOTA GURU

- Bimbing murid menyatakan idea pembentukan Malaysia dan menyusun idea tersebut secara kronologi.

Sebab-sebab Pembentukan Malaysia

Terdapat beberapa sebab pembentukan Malaysia. Antaranya termasuklah untuk menjamin keselamatan negara, mencapai keseimbangan kaum, mempercepat kemerdekaan dan membangunkan sosioekonomi.

Menjamin Keselamatan Negara

- Singapura menghadapi ancaman komunis yang boleh menggugat keselamatan Persekutuan Tanah Melayu.
- Selain Singapura, Sarawak turut berhadapan dengan ancaman komunis.

Mencapai Keseimbangan Kaum

- Penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura sahaja akan menyebabkan berlaku ketidakseimbangan antara kaum.

- Ancaman komunis dapat dibendung melalui pembentukan Malaysia. Persekutuan Tanah Melayu mempunyai pengalaman bagi menghadapi ancaman komunis.

- Penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak, Sabah dan Brunei menjadikan bilangan penduduk seimbang antara kaum.

Sumber: Mohd bin Samsudin, 2016. *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.



PAK-21 Mangkuk Ikan Emas (Goldfish Bowl)

1. Bentukkan empat kumpulan mengikut sebab-sebab pembentukan Malaysia.
2. Setiap kumpulan akan mencari maklumat tambahan mengikut tajuk, sebab dan faedah yang diperoleh.
3. Bincangkan kepentingan menghargai jasa pemimpin dan kebijaksanaan pemimpin. Bentangkan dapatan masing-masing.



Mempercepat Kemerdekaan

- Pembentukan Malaysia mampu mempercepat kemerdekaan Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei.

Membangunkan Sosioekonomi

- Pembentukan Malaysia akan mempercepat pembangunan infrastruktur, sosial dan ekonomi.

- Perkara ini memerlukan permuafakatan dan sokongan daripada semua pihak.

- Penggabungan ini akan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Idea pembentukan Malaysia telah lama dikemukakan oleh pemimpin tempatan dan pihak British. Idea ini muncul disebabkan oleh cabaran dan keadaan ketika itu. Oleh itu, wajarlah kita menghargai jasa dan kebijaksanaan pemimpin yang mencetuskan idea ini.



NOTA GURU

- Bimbing murid memahami sebab-sebab pembentukan Malaysia dari pelbagai aspek.

Langkah-langkah ke Arah Pembentukan Malaysia

Beberapa langkah diambil oleh para pemimpin bagi menjayakan pembentukan Malaysia. Langkah tersebut termasuklah mengadakan lawatan ke negeri yang terlibat, menubuhkan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM), menubuhkan Suruhanjaya Cobbold, menubuhkan Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) dan mengadakan referendum.

1 Tunku Abdul Rahman mengumumkan cadangan pembentukan Malaysia di Hotel Adelphi, Singapura.

27 Mei
1961

3 Penubuhan JSKM bertujuan untuk meyakinkan pemimpin Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia.

23 Julai
1961

5 Suruhanjaya Cobbold menyerahkan laporan reaksi tersebut kepada British dan Persekutuan Tanah Melayu. Laporan ini mendapati dua pertiga penduduk Sarawak dan Sabah menyokong pembentukan Malaysia.

17 Januari
1962

2 Tunku Abdul Rahman mengadakan lawatan ke Sarawak untuk menerangkan kepada pemimpin tempatan tentang idea pembentukan Malaysia.

Julai
1961

4 Suruhanjaya Cobbold dibentuk bagi mendapatkan reaksi penduduk di Sarawak dan Sabah.

21 Jun
1962

Sumber: Arkib Negara Malaysia.



CEPAT JAWAB

Apakah tujuan penubuhan Suruhanjaya Cobbold?



IMBAS SAYA

Pameran maya pembentukan Malaysia



Ahli Suruhanjaya Cobbold dari kiri Tun Muhammad Ghazali Shafie, Tan Sri Wong Pow Nee, Lord Cameron Cobbold, Sir David Watherston dan Sir Anthony Abell.

Sumber: Memorial Negarawan, Arkib Negara Malaysia.



Majlis menandatangani Perjanjian Malaysia di London pada 9 Julai 1963.
Sumber: Memorial Negarawan, Arkib Negara Malaysia.



Delegasi JSKM semasa mesyuarat di Kuala Lumpur.
Sumber: Memorial Negarawan, Arkib Negara Malaysia.

- 6** Mesyuarat JAK persediaan diadakan. JAK dianggotai oleh wakil British, Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah. Jawatankuasa ini bertujuan untuk menyediakan rangka perlembagaan bagi melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah.

- 8** Perjanjian Malaysia ditandatangani di Malborough House, London.

- 10** Pemasyhuran Malaysia diadakan di Kuala Lumpur, Kuching, Sarawak, Kota Kinabalu, Sabah dan City Hall, Singapura.

**30 Ogos
1962**

**1 September
1962**

**9 Julai
1963**

**12 Ogos
1963**

**16 September
1963**

- 7** Rundingan dilakukan antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura. Referendum, iaitu pemungutan suara rakyat diadakan di Singapura. Keputusan referendum menunjukkan rakyat Singapura bersetuju dengan pembentukan Malaysia.

- 9** Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), mewujudkan United Nations Malaysia Mission (UNMM) untuk mengesahkan persetujuan penduduk Sarawak dan Sabah.

Pembentukan Malaysia telah membawa banyak iktibar kepada kita. Kesungguhan, permuafakatan dan keprihatinan semua pihak mewujudkan kegemilangan dan kemakmuran kepada negara kita.



Ahli Perwakilan Penilai Bangsa-Bangsa Bersatu.
Sumber: Memorial Negarawan, Arkib Negara Malaysia.



**10.1.2
K10.1.5**

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami langkah pembentukan Malaysia secara kronologi.





Tokoh dan Negeri yang Terlibat dalam Pembentukan Malaysia

Permuafakatan yang wujud antara pemimpin menjadi obor kejayaan pembentukan Malaysia. Kesungguhan dan kerjasama semua pihak membawa kejayaan sehingga terbentuknya Malaysia.

Tokoh dalam Pembentukan Malaysia



**Tunku Abdul Rahman
Putra Al-Haj**

- Pemimpin United Malays National Organisation (UMNO).
- Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu.
- Mengetuai perwakilan Persekutuan Tanah Melayu dalam Perjanjian Malaysia di London.



**Tun Abdul Razak
Hussein**

- Pemimpin United Malays National Organisation (UMNO).
- Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu.
- Memainkan peranan dalam JAK.



**Tun Temenggung
Jugah anak Barieng**

- Pemimpin Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA).
- Menganggotai JSKM.
- Salah seorang yang menandatangani Perjanjian Malaysia yang diadakan di London pada tahun 1963.



PAK-21 Kerusi Panas (Hot Seat)

1. Aktiviti susulan selepas murid membuat bacaan teks di atas.
2. Seorang murid dipilih untuk duduk di kerusi yang disediakan dan menjadi mana-mana tokoh yang terlibat dalam pembentukan Malaysia.
3. Tokoh tersebut akan menjawab semua soalan daripada murid lain.
4. Murid juga diminta untuk menyatakan kepentingan permuafakatan dalam Pembentukan Malaysia.
5. Hot Seat terus dimainkan dengan penggiliran murid yang seterusnya sebagai tokoh lain.





**Tun Datu Mustapha
Datu Harun**

- Pemimpin United Sabah National Organisation (USNO).
- Memberikan penjelasan tentang pembentukan Malaysia kepada penduduk Sabah.



Lee Kuan Yew

- Pemimpin People's Action Party (PAP).
- Menyokong idea pembentukan Malaysia bagi membendung ideologi komunis di Singapura.



**Tan Sri Datuk Amar
Stephen Kalong
Ningkan**

- Pemimpin Sarawak National Party (SNAP).
- Memainkan peranan penting untuk membentuk Perikatan Sarawak dan menyokong usaha pembentukan Malaysia.





**Donald Stephens
(Tun Muhammad
Fuad Stephens)**

- Pemimpin United National Kadazan Organization (UNKO).
- Mencadangkan penubuhan JSKM untuk menjayakan rancangan pembentukan Malaysia.



**Datu Bandar Abang
Haji Mustapha**

- Pemimpin Parti Negara Sarawak (PANAS).
- Menyokong pembentukan Malaysia.
- Salah seorang yang menandatangani Perjanjian Malaysia yang diadakan di London pada tahun 1963.



**Tun Muhammad
Ghazali Shafie**

- Pemimpin United Malays National Organisation (UMNO).
- Menganggotai Suruhanjaya Cobbold.
- Memainkan peranan penting dalam pembentukan Malaysia, terutama semasa bertugas sebagai Ketua Setiausaha Tetap Kementerian Luar.





**Tan Sri Wong
Pow Nee**

- Pemimpin Malayan Chinese Association (MCA).
- Wakil Persekutuan Tanah Melayu dalam Suruhanjaya Cobbold.
- Menemu ramah dan meneliti memorandum penduduk Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia.



**Tun V. T.
Sambanthan**

- Pemimpin Malayan Indian Congress (MIC).
- Meneliti draf laporan Suruhanjaya Cobbold bersama-sama Jawatankuasa Kabinet Persekutuan Tanah Melayu.



AKTIVITI Kajian Kes

Hasilkan satu kajian kes berkaitan dengan tokoh yang berjasa dalam pembentukan Malaysia.



"Muafakat Membawa Berkat".
Kaitkan kata-kata hikmat ini dengan usaha pemimpin negara dalam pembentukan Malaysia.



10.1.3

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenali tokoh-tokoh pembentukan Malaysia dengan lebih mendalam.



Kajian Dokumen

Dokumen yang berikut ialah dokumen Pemasyhuran Malaysia.
Kaji dokumen tersebut dan jawab soalan di bawah.



Dokumen Pemasyhuran Malaysia dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi.

Pemasyhuran Malaysia

Dengan nama Allah Yang Maha Murah lagi Maha Mengasihani, segala puji-pujian bagi Allah Tuhan seru sekalian alam dan selawat dan salam bagi junjungan kita Nabi Muhammad dan bagi sekalian keluarga serta sahabat-sahabanya.

Bahawasanya oleh kerana suatu perjanjian yang diperbuat pada sembilan hari bulan Julia tahun seribu sembilan ratus enam puluh tiga antara Persekutuan Tanah Melayu, United Kingdom, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura, maka telah diperseutujui bahawa hendaklah disatukan Negeri Sabah, Negeri Sarawak, dan Negeri Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu yang mengandungi Negeri Pahang, Negeri Terengganu, Negeri Kedah, Negeri Johor, Negeri Sembilan, Negeri Kelantan, Negeri Selangor, Negeri Perak, Negeri Perlis, Negeri Pulau Pinang dan Negeri Melaka dan bahawa persekutuan itu hendaklah dinamakan "MALAYSIA".

Dan bahawasanya oleh kerana pihak-pihak dalam perjanjian yang tersebut telah berseutujui bahawa mula daripada penubuhan Malaysia maka Negeri Sabah, Negeri Sarawak dan Negeri Singapura hendaklah tamat daripada menjadi jajahan takluk Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen tidak lagi mempunyai kekuasaan dan kuasa dalam ketiga-tiga buah negeri itu.

Dan bahawasanya oleh kerana telah dimasyhurkan suatu perlembagaan bagi Malaysia yang akan menjadi kanun yang mukamad di dalamnya.

Dan bahawasanya oleh kerana perlembagaan yang tersebut itu diadakan syarat bagi menjaga keselamatan, hak-hak dan keutamaan-keutamaan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja serta hak-hak asasi dan kebebasan sekalian rakyat dan bagi menggalakkan keamanan dan kemestrian di dalam Malaysia sebagai kerajaan yang mempunyai Raja yang berperlembagaan dan yang berdasarkan demokrasi-cara berparlimen.

Dan bahawasanya oleh kerana perlembagaan yang tersebut itu telah disahkan oleh suatu undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen Persekutuan Tanah Melayu dan Parlimen United Kingdom maka telah berjalinah kuat kuasa perlembagaan itu pada enam belas hari bulan September tahun seribu sembilan ratus enam puluh tiga.

Maka dengan nama Allah Yang Maha Murah lagi Maha Mengasihani, saya TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJI IBNI ALMARHUM SULTAN ABUL HAMID HALIM SHAH, Perdana Menteri Malaysia dengan persetujuan dan perkenan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung, Yang Terutama Yang di-Pertuan Negara Singapura, Yang Terutama Yang di-Pertua Negara Sabah dan Yang Terutama Gabenor Negeri Sarawak dengan ini MENGISYIHAR dan MEMASYHURKAN bagi pihak umat Malaysia bahawa mula daripada enam belas hari bulan September tahun seribu sembilan ratus enam puluh tiga, bersamaan dengan dua puluh lapan hari bulan Rabiulakhir tahun Hijrah seribu tiga ratus delapan puluh tiga, Malaysia yang mengandungi Negeri Pahang, Negeri Terengganu, Negeri Kedah, Negeri Johor, Negeri Sembilan, Negeri Kelantan, Negeri Selangor, Negeri Perak, Negeri Perlis, Negeri Pulau Pinang, Negeri Melaka, Negeri Singapura, Negeri Sabah dan Negeri Sarawak dengan izin dan kehendak Allah Kebul Alam akan kekal menjadi sebuah negara demokrasi yang mendaki lagi berpaut serta berasaskan kebebasan dan keadilan dan sentiasa memperkatakan serta memelihara keamanan dan kemestrian umatnya dan mengekalkan keamanan di antara segala bangsa di dunia ini.

Transliterasi Pemasyhuran Malaysia dalam tulisan Rumi.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.



AKTIVITI Kajian Dokumen

Baca dokumen tersebut.

- Siapakah yang menandatangani dokumen tersebut?
- Bilakah tarikh dokumen tersebut ditandatangani?
- Nyatakan negeri yang terlibat dalam pembentukan Malaysia.
- Huraikan kepentingan mengekalkan kemakmuran dan perpaduan di Malaysia.



Negeri-negeri yang Terlibat dalam Pembentukan Malaysia

Malaysia dibentuk pada 16 September 1963 hasil gabungan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura.



Pembentukan Malaysia berjaya mengekalkan kemakmuran negara hingga kini. Oleh sebab itu, pada 16 September setiap tahun, kita menyambut Hari Malaysia sebagai tanda syukur dan bangga atas permuafakatan serta perpaduan rakyat Malaysia.



TAHUKAH ANDA?

Brunei menolak penyertaan dalam Malaysia. Pemisahan Singapura daripada Malaysia berlaku pada tahun 1965.



Bagaimanakah anda meraikan Hari Malaysia pada setiap tahun?



10.1.3

NOTA GURU

- Bimbing murid mengetahui negeri-negeri yang terlibat dalam pembentukan Malaysia.



Cabaran ke Arah Pembentukan Malaysia

Proses pembentukan Malaysia melalui pelbagai cabaran. Bermula dengan usaha untuk menjelaskan matlamat pembentukan Malaysia sehinggalah menghadapi penentangan daripada negara Indonesia dan Filipina.



Tunku Abdul Rahman ketika Mesyuarat Ketiga JSKM.
Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Tunku Abdul Rahman dan pemimpin negara kita telah berusaha untuk meyakinkan masyarakat akan tujuan pembentukan Malaysia.

Penolakan rancangan pembentukan Malaysia oleh Sarawak United People's Party (SUPP) kerana mahu membentuk sebuah persekutuan sendiri terdiri daripada Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.

Dari tahun 1963 hingga tahun 1966, Indonesia mengisytiharkan konfrontasi terhadap Malaysia kerana menganggap pembentukan Malaysia mengancam kedudukan negaranya.



Berita Harian, 18 September 1963.
Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Cabaran seterusnya datang daripada negara Filipina. Filipina mendakwa Sabah sebahagian daripada wilayahnya.

"Carik-carik bulu ayam, akhirnya bercantum juga". Hubungan tegang Malaysia dengan Indonesia dan Filipina akhirnya kembali pulih. Ketegangan hubungan dapat ditangani hasil permuafakatan pemimpin negara-negara tersebut. Kerjasama antara negara dijalinan demi kemakmuran dan perpaduan serantau.

Pada 16 September 1963, terbentuklah Malaysia setelah melalui pelbagai cabaran. Sebagai rakyat Malaysia, kita sewajarnya berasa bangga akan kesungguhan setiap warga bagi menjayakan pembentukan Malaysia ini.



AKTIVITI

Dengan menggunakan pelbagai sumber, cari cabaran-cabaran lain yang dihadapi dalam usaha membentuk Malaysia.



GLOSARI

Konfrontasi bermaksud pertentangan dengan sesuatu pihak.

NOTA GURU

- Bantu murid mencari cabaran-cabaran lain yang dihadapi ke arah pembentukan Malaysia.





IMBAS KEMBALI

Idea dan Sebab-sebab Pembentukan Malaysia

- Idea daripada tokoh British dan tempatan
- Sebab-sebab pembentukan Malaysia:
 - ➔ Menjamin keselamatan negara
 - ➔ Mempercepat kemerdekaan
 - ➔ Mencapai keseimbangan kaum
 - ➔ Membangunkan sosioekonomi

Langkah-langkah ke Arah Pembentukan Malaysia

- Tunku Abdul Rahman mengumumkan cadangan pembentukan Malaysia
- Lawatan ke Sarawak
- Penubuhan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)
- Penubuhan Suruhanjaya Cobbold
- Suruhanjaya Cobbold menyerahkan laporan kepada British dan Persekutuan Tanah Melayu
- Mesyuarat Jawatankuasa Antara Kaum persediaan diadakan
- Rundingan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura
- Perjanjian Malaysia di London
- Penubuhan United Nations Malaysia Mission (UNMM)
- Pemasyihuran Malaysia pada 16 September 1963

Tokoh dan Negeri yang Terlibat dalam Pembentukan Malaysia

1. Tokoh yang terlibat:
 - Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
 - Tun Abdul Razak Hussein
 - Tun Temenggung Jugah anak Barieng
 - Tun Datu Mustapha Datu Harun
 - Lee Kuan Yew
 - Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan
 - Donald Stephens (Tun Muhammad Fuad Stephens)
 - Datu Bandar Abang Haji Mustapha
 - Tun Muhammad Ghazali Shafie
 - Tan Sri Wong Pow Nee
 - Tun V.T. Sambanthan
2. Negeri-negeri yang terlibat dalam pembentukan Malaysia ialah Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura.

Cabaran ke Arah Pembentukan Malaysia


Cabaran dari dalam dan luar negara.

Unit ini membincangkan idea, sebab, langkah dan negeri-negeri yang terlibat serta cabaran dalam pembentukan Malaysia. Tokoh yang berusaha merealisasikan pembentukan Malaysia juga dibincangkan agar murid lebih menghargai sejarah negara. Unit seterusnya akan membawa kita mengenali negeri-negeri di Malaysia dengan lebih mendalam.



FIKIR DAN JAWAB

- A Bantu rakan anda mencari negeri-negeri yang terlibat dalam pembentukan Malaysia. Bulatkan pada negeri tersebut.



- B Susun secara kronologi langkah pembentukan Malaysia.

Peristiwa	Nomborkan mengikut kronologi
1. Perjanjian Malaysia ditandatangani di Malborough House, London.	
2. Penubuhan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia.	
3. Referendum diadakan di Singapura.	
4. Pemasytuhan Malaysia diisytiharkan di Kuala Lumpur, Sarawak, Sabah dan Singapura.	
5. Tunku Abdul Rahman mengumumkan cadangan pembentukan Malaysia di Hotel Adelphi, Singapura.	



IMBAS SAYA

Fikir dan jawab



CINTA AKAN NEGARA

Mengetahui sejarah pembentukan Malaysia mendorong kita berasa bangga akan kesungguhan dan permuafakatan pemimpin sehingga membawa kejayaan kepada negara.



Diri

Sebagai rakyat, kita perlu menyuburkan semangat patriotik dan menghargai perjuangan pemimpin yang banyak berjasa kepada kita.

Masyarakat

Mengetahui sejarah pembentukan Malaysia dapat membentuk semangat bersatu padu bagi mempertahankan kedaulatan negara.

Negara

Permuafakatan perlu dipertahankan demi kesejahteraan negara yang kita cintai.

